

KOMPONEN DALAM MODEL PEMULIHAN HOLISTIK TERHADAP LESBIAN, GAY, BISEKSUAL DAN TRANSGENDER (LGBT) DI MALAYSIA

Noor Hafizah Mohd Haridi,¹ Ahmad Munawar Ismail,²
Nasrudin Subhi,³ Hayati Hussin⁴

Abstrak

Pemulihan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial bagi memulihkan individu yang menghadapi masalah tingkah laku negatif. Pemulihan holistik adalah konsep pemulihan yang memperluas dan memperdalam proses tersebut. Hal ini tidak hanya membantu dalam mempromosikan sikap positif terhadap proses pemulihan, tetapi juga mengembangkan keterampilan sosial yang diperlukan untuk menghadapi dunia moden. Pemulihan yang berjaya bukan sahaja dari segi pendekatan yang digunakan tetapi juga elemen-elemen pelaksanaan program seperti penyediaan kemudahan, kemahiran pelaksana, sikap pelaksana, proses pengajaran, sokongan pentadbir dan penilaian program. Kajian bertujuan membangunkan model pemulihan holistik terhadap kumpulan LGBT. Kajian ini penting bagi menyumbang kepada usaha-usaha pemulihan LGBT oleh pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan. Pemulihan holistik dan komprehensif perlu dibangunkan iaitu pemulihan spiritual dan jasmani secara bersepadu. Kumpulan LGBT merupakan komuniti yang perlu dibantu dalam proses pemulihan. Justeru, model pemulihan holistik terhadap kumpulan LGBT perlu dibangunkan untuk membantu individu yang terlibat dalam gejala songsang ini kembali hidup mengikut cara hidup Islam dan kembali. Dalam mengimplementasikan kajian ini, teknik *Fuzzy Delphi* (FDM) telah digunakan. Dalam konteks ini sebuah model pemulihan holistik yang memfokuskan kepada pemulihan yang menyeluruh dan komprehensif iaitu pemulihan spiritual dan jasmani secara bersepadu terhadap kumpulan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT). Hasil kajian ini mendapati terdapat empat komponen

¹ Noor Hafizah Mohd Haridi, PhD, Pensyarah Kanan dan Ketua Program Sarjana Dakwah dan Pembangunan Komuniti, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. E-mel: noorhafizah@kuis.edu.my.

² Ahmad Munawar Ismail, PhD, Profesor Madya, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, dan Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-mel: munawar@ukm.edu.my.

³ Nasrudin Subhi, PhD, Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-mel: Nas2572@ukm.edu.my.

⁴ Hayati Hussin, PhD, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Islam Sains Malaysia. E-mel: hayati.hussin@usim.edu.my.

dalam membentuk model pemulihan yang dibangunkan iaitu kerajaan, badan bukan kerajaan, komuniti masyarakat dan komuniti LGBT.

Kata kunci: model, pemulihan holistik, LGBT

**COMPONENTS IN THE HOLISTIC REHABILITATION
OF LESBIANS, GAYS, BISEXUALS AND
TRANSGENDERS (LGBT) IN MALAYSIA**

Abstract

Rehabilitation is a form of social service to heal individuals facing negative behavioural issues. Holistic rehabilitation is a restoration concept which further expands and deepens the process. Besides aiding in the promotion of a positive attitude towards rehabilitation, it develops social competence in facing the modern world. Successful rehabilitation involves not only the utilised approach, but also programme implementation elements such as the preparation of facilities, implementation skills, implementers' attitude, the teaching process, administrative support and programme evaluation. This article is on the study which aims to develop a holistic rehabilitation model for the LGBT community. This is essential in the efforts towards LGBT rehabilitation by both governmental and non-governmental agencies. Holistic and comprehensive rehabilitation involves the integration of spiritual and physical restoration. The LGBT community is in need of help towards rehabilitation. This holistic model rehabilitation model is developed to assist those individuals who are involved in the deviant lifestyle to return to the Islamic path. In implementing the study, the Fuzzy Delphi Method (FDM) is used. The holistic model focuses on the wholesome and comprehensive restoration which includes an integrated spiritual and physical healing for the LGBT community. The findings of the study show that there are four components in the rehabilitation model that are developed, namely the government, non-government organisations, the community and the LGBT community.

Keywords: model, holistic rehabilitation, LGBT

Pendahuluan

Masalah kekeliruan gender semakin mendapat perhatian ramai masyarakat di Malaysia ketika ini. Jika di luar negara, isu ini sudah menjadi kebiasaan dan golongan ini telah diangkat ke tahap yang perlu dihormati sehingga perkahwinan sesama jenis adalah dihalalkan di sana. Lihat sahaja *role model* mereka iaitu artis barat yang banyak mengalami kekeliruan gender ini. Berbeza dengan masyarakat di Malaysia, kerana di sini kita masih mempunyai

agama dan adat resam yang perlu dipatuhi oleh setiap kaum di Malaysia.

Isu berkenaan dengan Lesbian, Gay, Biseksual, Transeksual/Transgender atau lebih dikenali sebagai “LGBT” bukanlah isu baru di Malaysia. LGBT ini dikatakan telah bertapak dalam negara ini sejak awal tahun 1980 dengan kegiatan mak nyah dan pondan.⁵ Malaysia dikejutkan dengan isu gerakan kemanusiaan yang diperjuangkan kebebasannya di Malaysia. Sebagaimana penelitian Renn, isu gerakan kebebasan kemanusiaan ini menuntut agar golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transeksual (LGBT) diiktiraf di negara ini.

Usaha ini diperjuangkan oleh salah seorang aktivis di Malaysia Ambiga Sreevanasan. Menurut penjelasan Ryan, Ambiga Sreevanasan, atau wajar digelar wanita besi, atas semangatnya berjuang menentang arus. Beliau mendedikasikan hidupnya untuk memperjuangkan hak asasi manusia. Untuk itu, beliau telah dikritik dan diprovokasi pelbagai pihak tetapi beliau berjaya meraih penghormatan dan menerima penghargaan dari berbagai pihak juga.⁶ Atas kesungguhan beliau memperjuangkan pendiriannya, beliau telah menerima anugerah *International Women of Courage* pada tahun 2009 oleh kerajaan Amerika.⁷

Beliau juga menerima anugerah tertinggi Perancis *Chevalier de Legion d'Honneur (Knight of the Legion of Honour)* daripada kerajaan Perancis. Pada tahun 2012, beliau membuka sejarah baru di Malaysia apabila dengan lantang menyuarakan sokongan beliau ke atas golongan LGBT di Malaysia. Perjuangan beliau ini sememangnya bertentangan dengan nilai, etika dan keagamaan yang diamalkan di Malaysia. Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi

⁵ Noor Hafizah Mohd Haridi, “Kumpulan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) Ancaman Terhadap Keamanan dan Keharmonian Beragama di Malaysia,” *Islam Realitas: Journal of Islamic and Social Studies* 2.2 (2016), 211-218.

⁶ Kristen A. Renn, “LGBT Student Leaders and Queer Activists: Identities of Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender, and Queer Identified College Student Leaders and Activists,” *Journal of College Student Development* 48.3 (2007), 311-330.

⁷ Caitlin Ryan et al., “Family Acceptance in Adolescence and The Health of LGBT Young Adults,” *Journal of Child and Adolescent Psychiatric Nursing* 23.4 (2010), 205-213.

berperlembagaan dan menjadikan agama Islam sebagai agama Persekutuan. Oleh itu perjuangan Ambiga bertentangan dengan ajaran Islam dan tidak seharusnya diteruskan kerana ianya mengganggu sentimen keagamaan di Malaysia.⁸

Sokongan terhadap hak asasi kumpulan LGBT ini turut disuarakan oleh kumpulan G25 yang menyuarakan hak terhadap kumpulan ini. Kumpulan ini melalui jurucakapnya Farida Ariffin dengan lantang menyuarakan hak kebebasan terhadap kumpulan ini.⁹

LGBT merupakan satu penyakit, perlu dilarang secara perundangan bahkan dirawat,¹⁰ kerana aktiviti mereka sama seperti zina dan pelacuran. Ini dijelaskan oleh hadis yang bermaksud: “Tidaklah seorang wanita itu bersedap-sedapan dengan seorang wanita melainkan mereka adalah berzina, dan tidaklah seorang lelaki bersedap-sedapan dengan seorang lelaki melainkan mereka juga (sedang) berzina.”¹¹

Malaysia sebuah negara yang menjadikan Islam sebagai agama Persekutuan tidak memperakui gaya hidup yang menyeleweng daripada syariat. Malaysia seharusnya tidak menjadikan negara seperti Belanda, Belgium, Swedia, Norway, Sepanyol, Portugal dan Amerika Syarikat yang menghalalkan pernikahan mereka.¹² Pada dasarnya, kelompok LGBT di seluruh dunia menuntut lapan perkara utama,¹³ iaitu:

⁸ Khairul Hamimah Muhammad Jodi dan Noor Hafizah Mohd Haridi, “Cabaran dan Pendekatan Dakwah Golongan LGBT: Satu Kajian di Pertubuhan Usrah Fitrah” (International Seminar on Human Development, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 22 November 2018).

⁹ Kristen A. Renn, “LGBT and Queer Research In Higher Education: the State and Status of the Field,” *Educational Researcher* 39.2 (2010), 132-141.

¹⁰ Jeanete Ophilia Papilaya, “Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender (LGBT), dan Keadilan Sosial,” *Journal Humaniora Yayasan Bina Dharma* 3.1 (2016), 25-34.

¹¹ Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad al-Tabarani, *al-Mu’jam al-Awsat* (Kaherah: Dar al-Haramayn, 1995), 4157.

¹² Papilaya, “Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender (LGBT), dan Keadilan Sosial.”

¹³ Kamal Azmi Abd Rahman et al., “Profil Masyarakat Melayu Malaysia di Media Sosial yang Mempromosikan Agenda LGBT,” dalam Yusmini Md Yusoff et al. (peny.), *Isu-Isu Semasa Media dan Dakwah* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2015), 23-34.

- i. Aktiviti seks sesama jantina (tidak mengambil kira soal haram atau halal).
- ii. Pengiktirafan terhadap hubungan sesama sejenis atau berlainan jenis.
- iii. Perkahwinan sesama jantina.
- iv. Pengambilan anak angkat.
- v. Membenarkan gay untuk berkhidmat dalam tentera.
- vi. Membenarkan lesbian untuk berkhidmat dalam tentera.
- vii. Anti diskriminasi berdasarkan orientasi seksual.
- viii. Memperjuangkan undang-undang untuk identiti gender dan ekspresi gender.

Hasil kajian dan penelitian awal menunjukkan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti (KSK) telah mengadakan Persidangan Focal Point Menangani Gejala Sosial Bil 5/2015 pada 21-23 Oktober 2015. Objektif utama persidangan ini adalah untuk memurnikan Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial Kecelaruan Gender. Pihak MAIS melalui Pertubuhan Usrah Fitrah (PUFI) juga turut mengadakan program-program terhadap komuniti LGBT yang mempunyai kecenderungan untuk kembali hidup secara fitrah. Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti kelas bimbingan fardu ain, usrah, program kesedaran dan motivasi, ziarah mahabbah, mukhyyam dan sebagainya.¹⁴

Justeru, tulisan ini membincangkan pembangunan model pemulihan holistik terhadap kumpulan LGBT. Kajian ini penting bagi menyumbang kepada usaha-usaha pemulihan LGBT oleh pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan. Pemulihan holistik dan komprehensif perlu dibangunkan iaitu pemulihan spiritual dan jasmani secara bersepadu. Hakikat insan menurut Islam terdiri dari dua unsur iaitu rohani dan jasmani yang kedua-duanya merupakan satu kesatuan. Oleh itu, apabila ia berfungsi dengan baik, maka kehidupan insan menjadi baik dan hidup sealiran dengan fitrah semula jadi insan yang diciptakan oleh Allah SWT. Kumpulan LGBT merupakan komuniti yang perlu dibantu dalam proses pemulihan. Justeru, model pemulihan holistik terhadap kumpulan LGBT perlu dibangunkan untuk membantu individu

¹⁴ Noor Hafizah Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman dan Rosni Wazir, "Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT)," *Jurnal Pengajian Islam* 9.2 (2016), 103-119.

yang terlibat dalam gejala songsang ini kembali hidup mengikut cara hidup Islam dan kembali kepada fitrah.

Definisi LGBT

LGBT adalah merujuk kepada akronim lesbian, gay, bi-seksual dan transeksual. Ia adalah singkatan bagi pengenalan diri berdasarkan kepada orientasi seks. Umumnya, kegiatan mereka mempunyai kaitan dengan keinginan manusia untuk merubah fitrah asal kejadian mereka kepada personaliti yang bertentangan. Sesetengah pihak menambah akronim ini kepada LGBTIQ, di mana I untuk interseks dan Q untuk queer. Lesbian merujuk kepada wanita yang mempunyai daya tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya atau disebut juga perempuan homoseksual.¹⁵ Gay ditakrifkan sebagai lelaki yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya dan dikenali juga dengan istilah lelaki homoseksual.¹⁶ Transeksual atau *mukhannath* ialah seseorang lelaki atau perempuan yang berperasaan dan berpenampilan sebagai anggota jantina lawannya, dan kadang-kadang menukar organ jantinya melalui pembedahan.¹⁷

Berdasarkan definisi di atas dapat dirumuskan LGBT merujuk kepada perkumpulan manusia yang mempunyai orientasi seks songsang yang melangkaui batas fitrah kemanusiaan dan merupakan gaya hidup yang menyalahi tuntutan agama dan tatasusila budaya timur apatah lagi dengan perlakuan yang menyalahi tabii manusia. Komuniti ini pada dasarnya ditubuhkan untuk memperjuangkan hak-hak mereka yang dikatakan tertindas dan tidak bebas dengan berselindung di sebalik topeng akta hak-hak asasi manusia.

Isu LGBT di Malaysia

Peringkat awal kewujudan golongan LGBT di Malaysia bermula dengan kewujudan pondan dan mak nyah sekitar tahun 1980-an. Persidangan Majlis Raja-Raja kali ke-126 pada 13 Disember 1989 telah memfatwakan LGBT sebagai perlakuan yang haram untuk

¹⁵ Pusat Rujukan Persuratan Melayu, <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=lesbian>, dicapai 10 Disember 2018.

¹⁶ Pusat Rujukan Persuratan Melayu, <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=gay>, dicapai 10 Disember 2018. Bisexual ialah seseorang yang cenderung untuk melakukan hubungan seks dengan lelaki dan juga wanita.

¹⁷ Pusat Rujukan Persuratan Melayu <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=transeksual>, dicapai 10 Disember 2018.

diamalkan sebagai gaya hidup. Rentetan dari pewartaan fatwa ini telah menghalang mana-mana individu membuat permohonan menukar jantina pada dokumen pengenalan diri. Masyarakat Malaysia sangat sensitif dengan gaya hidup yang menyalahi tuntutan agama dan tatasusila budaya timur apatah lagi dengan perlakuan yang menyalahi tabii manusia.

Oleh itu, golongan LGBT mendapat kecaman hebat di kalangan masyarakat Islam Malaysia menyatakan bahawa gejala LGBT ini sudah merebak dan menjadi suatu fenomena di Malaysia dengan bermacam tuntutan telah dilakukan oleh golongan ini atas prinsip hak asasi manusia sebagai alasan untuk mengiktiraf kewujudan mereka. Kesannya dengan melihat pemaparan isu LGBT pada masa kini semakin kerap dibincangkan dalam media cetak, elektronik mahu pun media baharu. Kenyataan ini turut disokong oleh Mahfuzah yang juga telah menulis sebuah artikel menyentuh dengan isu LGBT. Menurut kajiannya LGBT telah mula masuk ke dalam sosio masyarakat Malaysia sejak sekian lama, sehingga tertubuhnya pelbagai pertubuhan dan organisasi yang menyokong mereka secara tersusun dan terancang. Kenyataan yang sama juga dapat dilihat daripada kajian yang dilakukan oleh Mohamad Yusof Helmy. Kajian beliau yang bertajuk “Kajian Perbandingan Pemaparan Berita LGBT dalam Akhbar Cetak dan Portal Berita” telah mengetengahkan data yang saintifik bagi menyatakan bahawa isu LGBT ini semakin menjadi perbincangan dan ikutan oleh masyarakat di Malaysia.

Merujuk kepada statistik tangkapan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama seluruh Malaysia yang semakin meningkat, jelas menunjukkan bahawasanya perlakuan dan gaya hidup LGBT ini tetap berkembang dan menjadi semakin kompleks. Gerakan LGBT merupakan gerakan diskriminasi bentuk baru LGBT di Malaysia.¹⁸ Peringkat awal kewujudan golongan LGBT di Malaysia bermula dengan kewujudan pondan dan mak nyah sekitar tahun 1980-an. Persidangan Majlis Raja-Raja kali ke-126 pada 13 Disember 1989 telah memfatwakan LGBT sebagai perlakuan yang haram untuk diamalkan sebagai gaya hidup. Rentetan dari pewartaan fatwa ini telah menghalang mana-mana individu

¹⁸ Mohamad Kamil Ab Majid, *Cabaran Umat Dewasa Ini: Suatu Penyelesaian Menurut Islam* (Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya, 1988).

membuat permohonan menukar jantina pada dokumen pengenalan diri. Masyarakat Malaysia sangat sensitif dengan gaya hidup yang menyalahi tuntutan agama dan tatasusila budaya timur apatah lagi dengan perlakuan yang menyalahi tabii manusia. Oleh itu, golongan LGBT mendapat kecaman hebat di kalangan masyarakat Islam Malaysia. Mereka menggunakan hak asasi manusia untuk mempertahankan perbuatan mereka. Tindakan golongan ini bukan sahaja mencerca kesucian agama Islam dan perundangan Malaysia, malah menggugat ketenteraman awam dan keamanan agama. Gerakan LGBT merupakan gerakan diskriminasi bentuk baru atas nama hak asasi. Mereka menggunakan hak asasi manusia untuk mempertahankan perbuatan mereka. Tindakan golongan ini bukan sahaja mencerca kesucian agama Islam dan perundangan Malaysia, malah menggugat ketenteraman awam dan keamanan agama.¹⁹

Oleh kerana bertentangan dengan orientasi seks yang normal, LGBT adalah kumpulan minoriti dalam masyarakat. Walaupun begitu, kumpulan ini giat mempromosikan dan menzahirkan diri mereka dalam usaha untuk menuntut hak-hak yang sewajarnya dalam kehidupan sosial. Senario dalam kehidupan masyarakat moden juga memperlihatkan bahawa mereka yang menyokong pergerakan menuntut hak-hak homoseksual adalah mereka yang diiktiraf sebagai pejuang hak asasi manusia dan sebaliknya. Pertubuhan dalam studi Kosciw, LGBT yang terbesar di dunia ialah International Lesbian, Gay, Bisexual, Trans and Intersex Association (ILGA).²⁰ ILGA merupakan pertubuhan LGBT di seluruh dunia yang mempunyai matlamat yang sama. Pertubuhan-pertubuhan LGBT di seluruh dunia aktif memperjuangkan hak kumpulan mereka dan mengumpulkan ahli-ahlinya. Di Asia Tenggara menurut Veritisia seperti di Singapura, kumpulan LGBT menubuhkan kumpulan yang bernama People Like Us (PLU) untuk menguruskan aktiviti-aktiviti mereka manakala di Malaysia kumpulan Seksualiti Merdeka dilihat sebagai organisasi yang giat

¹⁹ Zakaria Stapa, *Masyarakat Islam dan Isu Semasa*, (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1994).

²⁰ Joseph G. Kosciw et al., "The Effect of Negative School Climate on Academic Outcomes for LGBT Youth and the Role of In-School Supports," *Journal of School Violence* 12.1 (2013), 45-63.

mempromosikan agenda LGBT.²¹ Seksualiti Merdeka sentiasa berusaha untuk mengubah kehidupan sosial serta penerimaan undang-undang berkenaan dengan kepelbagaian orientasi seksual di Malaysia. Hal ini adalah merujuk kepada arena antarabangsa yang memberikan hak kesamaan dan mengkritik hukuman undang-undang terhadap kumpulan minoriti iaitu mereka yang mempunyai orientasi seks yang tidak dominan dan berbeza dengan kumpulan majoriti. Kerajaan Malaysia dalam kenyataannya menjelaskan bahawa pihak berkuasa serius dalam usaha dan ingin menangani gejala LGBT berikutan terdapat usaha untuk menuntut agar golongan lesbian, gay, biseksual dan tran-seksual (LGBT) diiktiraf.

Sehingga kini, tuntutan Comango berkaitan LGBT antara lainnya adalah, menuntut supaya Malaysia menerima Hak SOGI (Sexual Orientation & Gender Identity); iaitu pengiktirafan orientasi seksual LGBT sebagai hak-hak asasi manusia sejagat. Selain itu, Comango juga mendesak kerajaan untuk meminda seksyen 377A Kanun Keseksaan berhubung jenayah liwat atas alasan bahawa jenayah liwat merupakan undang-undang lapuk yang tidak lagi relevan. Tidak hanya bersifat agresif terhadap perundangan sivil yang dilihat sebagai 'penghalang' kegiatan LGBT, Comango juga mengesyorkan supaya Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di negeri-negeri seluruh Malaysia dimansuhkan dan pindaan terhadap kesalahan-kesalahan jenayah syariah kerana didakwa bertentangan dengan hak kebebasan peribadi. Atas nama menjulang prinsip hak asasi sejagat, golongan LGBT di Malaysia turut mendapat sokongan kumpulan G25. Selain itu, pada Ogos 2018, wakil komuniti transgender Nisha Ayub, telah bertemu Menteri di Jabatan Perdana Menteri Mujahid Yusof Rawa dengan agenda meminta kerajaan tidak mendiskriminasikan golongan LGBT. Organisasi pro LGBT yang dikenali sebagai Seksualiti Merdeka pula dilihat cuba mempromosikan LGBT melalui penganjuran program tahunan yang menonjolkan perjuangan mendapatkan pengiktirafan terhadap komuniti LGBT di Malaysia.²²

²¹ Mytha Eliva Veritasia, "Pengungkapan Informasi Privat tentang Identitas Seksual Seorang Gay kepada Orang Lain," *Commonline Departemen Komunikasi*, 4.2 (2015), 273-286.

²² Bernama, "Bertemu Nisha Ayub Tidak Bermakna Bersetuju Perjuangan LGBT – Mujahid," *Astro Awani*, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ber-temu-nisha-ayub-tidak-bermakna-bersetuju-perjuangan-lgbt-mujahid-182780>.

Konsep Pemulihan Holistik

Pemulihan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial bagi memulihkan individu yang menghadapi masalah tingkah laku negatif.²³ Pemulihan berasal daripada perkataan pulih yang bermaksud kembali kepada asal. Manakala pemulihan bermaksud usaha untuk memulihkan seseorang kepada asal.²⁴ Istilah islah digunakan untuk merujuk kepada pemulihan ini. Selain itu juga pemulihan boleh dinamakan sebagai *ta'dib*. Dari segi bahasa *ta'dib* merupakan kata nama terbitan yang diambil daripada perkataan *aduba* dan *adabu* yang membawa kepada dua makna. Makna pertama adalah melatih diri dalam perkara kebaikan dan makna yang kedua adalah membalas kejahatan. Menurut Ibn al-Manzur di dalam kamus *Lisan al-Arab* telah mentakrifkan *adabu* merupakan melatih diri di kalangan sesama manusia. Ia dinamakan sedemikian adalah kerana melatih manusia ke arah perkara yang terpuji dan mencegah daripada perkara yang keji. Pemulihan berasal dari perkataan Arab (*islah*) mendamaikan atau memperbaiki.

Menurut Dusuki pemulihan adalah perbuatan memulihkan, pengembalian kepada keadaan yang semula, pemulangan atau pengembalian. Pemulihan juga boleh dikategorikan sebagai proses perkembangan dan pembaikan sesuatu benda atau perkara yang berlaku secara berterusan, ini merangkumi kepada semua aspek yang baik sama ada dalam ataupun luaran. Selain itu, pemulihan bermaksud mendamaikan, menghilangkan sengketa, memperbaiki dan sebagainya. Pemulihan juga diterjemahkan sebagai gerakan pembaharuan atau tajdid.²⁵

Pemulihan mencakupi aspek-aspek kehidupan peribadi, keluarga, masyarakat dan negara. Setiap umat Islam dipertanggungjawabkan melaksanakan tugas pemulihan menurut bidang dan kemampuan masing-masing. Semua kerja pemulihan adalah baik dan berkebaikan melainkan pada perkara yang

²³ Richard Barton, "Psychosocial Rehabilitation Services in Community Support Systems: A Review of Outcomes and Policy Recommendations," *Psychiatric Services* 50.4 (1999), 525-534.

²⁴ *Kamus Dewan*, edisi 4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).

²⁵ Mohamad Afandi Md Ismail, Muhamad Hasif Yahaya, Ikmal Hafiz Jamal dan Muhammad Najib Abdul Wakil, "Isu LGBT di Malaysia: Satu Tinjauan Terhadap Aspek Kajian" (International Seminar on Syariah and Law E-Proceedings, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 2020), 459-470.

menghalalkan perkara yang dilarang oleh syarak dan mengharamkan perkara yang dihalaikan oleh-Nya.

Kamus Dewan edisi keempat mendefinisikan holistik adalah bersifat saling berkait antara satu sama lain sebagai suatu sistem bersepadu yg menyeluruh, bukan sekadar menyentuh aspek-aspek tertentu sahaja: model ini bertujuan memberikan pandangan secara menyeluruh dan bagi memahami konteks operasi sesuatu organisasi. Holistik adalah salah satu ciri falsafah yang dimaksudkan kelengkapan dan kesempurnaan. Istilah ini sangat penting dalam pemulihan dan pendidikan kerana berkaitan dengan aspek intelektual, emosi, rohani, dan fizikal.²⁶

Menurut Amie Primarni, holistik dalam perspektif Islam adalah mendasari dan merujuk kepada Allah SWT sebagai yang utama. Manusia dalam perspektif Islam dikurniakan empat unsur utama iaitu spiritual, intelektual, emosi dan fizikal-sensori. Paradigma holistik ini membawa dua aspek iaitu *hablu min Allah* dan *hablu min al-nas* yang mana saling mempengaruhi antara satu sama lain. Terdapat tiga sumber yang berperanan dalam pembentukan perwatakan seorang individu pertama dan utama adalah Allah SWT yang memberikan potensi positif dan negatif dalam diri manusia melalui potensi fitrahnya. Kedua, adalah ibu bapa sebagai pola asuh. Dan ketiga, adalah pengaruh masyarakat yang beramal soleh.

Hare menjelaskan, bahawa pemulihan holistik adalah konsep pemulihan yang memperluas dan memperdalam proses tersebut. Hal ini tidak hanya membantu dalam mempromosikan sikap positif terhadap proses pemulihan, tetapi juga mengembangkan keterampilan sosial yang diperlukan untuk menghadapi dunia moden. Selain itu, pemulihan holistik juga harus mempertimbangkan tentang perubahan dan tantangan sosial budaya.

Apabila menelaah matlamat pemulihan dalam kehidupan, yang menjadi objek adalah manusia itu sendiri iaitu perilaku dan tingkah laku manusia. Matlamat pemulihan selaras dengan matlamat hidup manusia dalam membina tamadun bangsanya. Berdasarkan analisis falsafah menunjukkan bahawa al-Ghazali menggariskan pemulihan

²⁶ Adi Sudrajat dan Atika Zuhrotus Sufiyana, "Filsafat Pendidikan Islam dalam Konsep Pembelajaran Holistik Pendidikan Agama Islam," *Andragogi: Jurnal Ilmiah Pendidikan Agama Islam* 2.2 (2020), 38-47.

holistik hendaklah mencari keutamaan jiwa dan kebahagiaan dunia dan akhirat.²⁷ Keutamaan jiwa adalah matlamat kehidupan dalam aspek rohani dan jasmani sedangkan kebahagiaan dunia dan akhirat adalah matlamat kehidupan secara holistik.

Selain itu, pemulihan holistik ini boleh dicapai dalam pembentukan akhlak iaitu pembersihan jiwa dari kekotoran jiwa. Prinsipnya bahawa matlamat pemulihan secara holistik adalah membersihkan jiwa dari segala yang dapat mengotori jiwa sama ada mengerjakan perbuatan yang baik dan menjauhi perbuatan yang buruk.

Ibn Miskawayh merupakan seorang pengarang yang telah mempersembahkan kitab terawal dalam falsafah akhlak dalam bentuk yang sistematik. Analisis interpretasi menunjukkan bahawa Ibn Miskawayh telah menggariskan metode yang konsisten dalam merealisasikan matlamat pendidikan terhadap pemulihan. Bukan sahaja merumuskan teori dan praktikal tetapi telah meletakkan kedua-dua unsur tersebut sebagai suatu cabang disiplin ilmu. Pendedahan pemikiran dalam pendidikan terhadap pemulihan oleh Ibn Miskawayh bermula dengan perbincangan manusia dan jiwanya. Pendedahan pemikiran dalam pendidikan oleh Ibn Miskawayh bermula dengan perbincangan manusia dan jiwanya. Hal ini disebabkan menurut Ibn Miskawayh jalan untuk mencapai kesempurnaan ialah dengan mengenal jiwa. Ibn Miskawayh menyebutkan bahawa jiwa mempunyai tiga kuasa iaitu kuasa berfikir (*al-quwwah al-natiqah*) yang berpusat pada organ tubuh yang disebut otak. Kuasa nafsu syahwat (*al-quwwah al-shahwiyyah*) disebut sebagai kuasa binatang dan organ tubuh yang digunakannya disebut hati. Kuasa amarah (*al-quwwah al-ghadabiyyah*) yang disebut kuasa binatang buas dan organ tubuh yang digunakannya disebut jantung. Pemulihan holistik dan bersepadu menyedari kesepaduan akal, jasad dan roh (intelekt, jasmani dan rohani). Justeru keseimbangan dan keharmonian intelek, rohani, emosi dan jasmani perlu dipupuk dan diberi perhatian sepanjang proses pemulihan tersebut.

²⁷ Khairani Zakariya @ Abd Hamid, "Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Imam al-Ghazali: Aplikasinya dalam Program Tarbiah Sekolah-sekolah Menengah Aliran Agama Berasrama di Negeri Kedah, Malaysia," *Atikan* 2.1 (2012), 79-94.

Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan Model Pemulihan Holistik LGBT

Melalui fasa ini terdapat dua sub-fasa yang dijalankan iaitu sub-fasa reka bentuk komponen utama dan elemen model dengan menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) dan sub-fasa pembangunan reka bentuk model dengan menggunakan pendekatan *Interpretive Structural Modelling* (ISM). Bilangan pakar bagi sub-fasa reka bentuk komponen dan elemen adalah seramai 21 orang. Bagi kedua-dua pendekatan ini, pertemuan dengan pakar adalah dijalankan secara bersemuka di dalam kumpulan melalui perbengkelan.

Pemilihan bilangan pakar bagi sub-fasa yang menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) adalah seramai 21 orang. Hal ini adalah berdasarkan kepada pandangan Adler dan Ziglio yang menegaskan bahawa bilangan pakar bagi teknik *Delphi* adalah seramai 10 sehingga 15 orang sekiranya pakar mampu untuk mendapat kesepakatan yang tinggi antara satu sama lain. Namun begitu, terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa bilangan pakar yang minimum bagi teknik *Delphi* adalah seramai lima orang pakar iaitu Rosnaini. Hal ini adalah berpadanan dengan hujah Rowe dan Wright bahawa bilangan pakar boleh bermula daripada 5 hingga 20 orang berdasarkan bidang kepakaran mereka. Jones dan Twiss pula mencadangkan bilangan pakar yang terlibat di dalam pendekatan kaedah *Delphi* adalah seramai 10-50 orang pakar.

Kriteria dan ciri pakar yang menjadi subjek kajian ini adalah amat berpadanan dengan konteks kajian kerana melibatkan pakar dalam bidang LGBT dan pembangunan insan. Pemilihan ini juga adalah bersandarkan kepada Berliner yang menghujahkan bahawa pakar adalah kompeten sekiranya mereka terlibat dalam sesuatu bidang secara konsisten melebihi 5 tahun. Manakala terdapat sekumpulan sarjana menegaskan bahawa pakar adalah mereka yang sangat mahir dan berpengalaman dalam bidang dikaji.²⁸

Maka berdasarkan kepada perbincangan tentang pemilihan pakar bagi fasa reka bentuk dan pembangunan model ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa kriteria yang diambil sebagai pakar

²⁸ Richard A. Swanson and Sandra K. Falkman, "Training Delivery Problems and Solutions: Identification of Novice Trainer Problems and Expert Trainer Solutions," *Human Resource Development Quarterly* 8.4 (1997), 305-314.

dan kriterianya adalah kepakaran dalam dakwah terhadap LGBT mengikut kategori seperti berikut:

- i. Pegawai kerajaan.
- ii. Aktivis badan bukan kerajaan.
- iii. Komuniti masyarakat.
- iv. Komuniti LGBT.

Deskripsi Panel Pakar Bagi Komponen Utama Model Pemulihan Holsitik Terhadap LGBT

Dalam proses reka bentuk model ini, terdapat 21 orang pakar telah dikenalpasti bagi melihat, membincangkan, menilai dan mengesahkan komponen utama yang diperlukan oleh model pemulihan holistik terhadap LGBT. Kesemua panel pakar ini tekah dipertemukan di dalam suatu perbengkelan yang telah dijalankan bagi melihat keperluan keempat-empat komponen utama model. Kesemua komponen utama ini amat penting untuk diperbincangkan sama ada ia diterima atau ditolak seterusnya disahkan berdasarkan kesepakatan daripada sekumpulan pakar yang berpengalaman secara langsung dalam konteks kajian. Panel pakar yang dikenalpasti dan terlibat dalam memberi cadangan dan pengesahan terhadap komponen-komponen utama di dalam model adalah seperti berikut:

- i. Enam orang pakar yang terdiri daripada pegawai kerajaan mengikut bidang kepakaran masing-masing antaranya ialah pakar hak asasi manusia, dakwah sosial, sosiologi dakwah, tafsir dan bimbingan LGBT.
- ii. Empat orang pakar yang terdiri daripada aktivis badan bukan kerajaan.
- iii. Enam orang pakar yang mewakili pengamal LGBT yang berhijrah.
- iv. Enam orang pakar yang mewakili komuniti masyarakat.

Dapatan Komponen Utama Model Pemulihan Holistik Terhadap LGBT Berdasarkan Kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM)

Jadual di bawah memaparkan dapatan kajian bagi komponen utama model pemulihan holistik terhadap LGBT berdasarkan kesepakatan pakar menggunakan analisis kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM). Dapatan kajian ini menunjukkan nilai *threshold* (d) dan peratusan kumpulan pakar.

Pakar		Komponen Utama			
		1	2	3	4
1	Kerajaan	0.025	0.115	0.089	0.076
2	Kerajaan	0.127	0.038	0.089	0.076
3	Kerajaan	0.127	0.038	0.064	0.076
4	Kerajaan	0.025	0.038	0.089	0.076
5	Kerajaan	0.025	0.115	0.064	0.076
6	Badan Bukan Kerajaan	0.025	0.038	0.064	0.076
7	Badan Bukan Kerajaan	0.025	0.038	0.064	0.076
8	Badan Bukan Kerajaan	0.025	0.115	0.064	0.076
9	Badan Bukan Kerajaan	0.025	0.038	0.064	0.076
10	Komuniti Masyarakat	0.025	0.038	0.064	0.076
11	Komuniti Masyarakat	0.025	0.038	0.064	0.076
12	Komuniti Masyarakat	0.025	0.115	0.064	0.076
13	Komuniti Masyarakat	0.025	0.038	0.089	0.076
14	Komuniti Masyarakat	0.025	0.038	0.089	0.076
15	Komuniti Masyarakat	0.127	0.115	0.089	0.076
17	Komuniti LGBT	0.127	0.038	0.089	0.076
18	Komuniti LGBT	0.025	0.038	0.089	0.076
19	Komuniti LGBT	0.025	0.115	0.089	0.076
20	Komuniti LGBT	0.025	0.038	0.064	0.076
21	Komuniti LGBT	0.025	0.038	0.064	0.076
Nilai Purata Treshold, d		0.044	0.060	0.075	0.076
Kesepakatan Pakar (%)		100.0	100.0	100.0	100.0
Skor Fuzzy (A)		0.950	0.942	0.927	0.917

Komponen utama model pemulihan holistik terhadap LGBT berdasarkan analisis *Fuzzy Delphi* (FDM) dan cadangan panel pakar.

Bil	Komponen Utama	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat Proses			Defuzifikasi	Kesepakatan Pakar
		Nilai <i>Threshold</i> (d)	Kesepakatan Pakar %	m1	m2	m3	Skor <i>Fuzzy</i> (A)	
1	Kerajaan	0.044	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950	Terima
2	NGO	0.060	100.0	0.850	0.957	1.000	0.942	Terima
3	LGBT	0.075	100.0	0.819	0.962	1.000	0.927	Terima
4	Masyarakat	0.076	100.0	0.800	0.950	1.000	0.917	Terima
Cadangan komponen daripada Panel Pakar								
1	Tiada							

Syarat:

Triangular Fuzzy Numbers

- 1) Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus Kesepakatan Pakar $\geq 75.0\%$

Defuzification Value

- 3) Skor *Fuzzy*(A) \geq nilai $\alpha - \text{cut} = 0.5$

Kerajaan

Kerajaan ditakrifkan sebagai sebuah badan atau institusi yang bertanggungjawab menjalankan fungsi-fungsi pengurusan dan pentadbiran sesebuah negara. Ia merangkumi semua badan yang menggubal, mentafsir dan melaksanakan sesuatu dasar demi pembangunan negara dan kebajikan rakyat. Oleh yang demikian, peranan kerajaan sangat penting dalam usaha menghalang normalisasi LGBT daripada menjadi budaya dalam masyarakat sehingga boleh mendatangkan kesan terhadap agama, kesihatan dan institut kekeluargaan.

Kerajaan merupakan badan yang mempunyai kuasa membuat, menggubal dan melaksanakan undang-undang. Terdapat juga beberapa kajian yang menyentuh tentang cadangan kepada penyelesaian isu LGBT ini yang perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Antaranya ialah kajian oleh Mahfudzah Mohamad, Abd Malib dan Mustafa, Mohamad Afandi dan Muhd Sabree dan Suhaya

Deraman mencadangkan agar penyelesaian melalui pendekatan undang-undang seperti penguatkuasaan undang-undang sedia ada, semakan undang-undang, dan pelaksanaan undang-undang kesalahan jenayah syariah digunapakai sebaiknya bagi mengatasi masalah LGBT ini. Melalui perbincangan yang menyentuh tentang aspek perundangan, ianya secara tidak langsung akan mendedahkan kepada umum tentang kesalahan-kesalahan yang wujud dalam akta sedia ada yang menyentuh tentang perilaku LGBT. Hal ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Siti Zubaidah yang menyentuh tentang penguatkuasaan undang-undang yang terdapat dalam kesalahan jenayah syariah dan Kanun Keseksaan. Menurut beliau keseksaan atau hukuman melalui mekanisme perundangan perlu dilihat sebagai satu kaedah pencegahan terhadap sesuatu kesalahan kerana tujuan utama sesuatu undang-undang itu digubal adalah untuk mengelakkan pesalah mengulangi kesalahan yang telah dilakukan dan seterusnya menjaga perilaku masyarakat.

Muhd Izzat pula menyarankan agar segala aktiviti dan kegiatan yang mempunyai unsur mempromosikan LGBT perlu disekat sepenuhnya. Segala maklumat berkenaan dengan apa-apa juga perhimpunan dan penganjuran program perlu dideklarasikan termasuk berkait dengan objektif, penceramah dan pihak penganjur seperti dalam Seksyen 9(1), Jadual Keempat, Akta Perhimpunan Aman 2012. Bagi penganjuran program di tempat persendirian pihak berkuasa perlu sentiasa melakukan pemantauan bagi mencegah perbuatan LGBT dijalankan.

Kajian oleh Owoyemi dan Sabri, Kumarashwaran serta Yusof Helmi Ramli pula mencadangkan penganjuran kempen kesedaran melalui media massa dan elektronik, seminar dan bengkel serta tayangan filem dan drama yang memperlihatkan kesan buruk perbuatan LGBT dipergiatkan sebagai usaha memberi kesedaran kepada masyarakat tentang gejala LGBT dan membawa golongan yang telah terjebak dengan LGBT kepada kehidupan manusia normal. Hassan dan Mohamed, dan Sulaiman pula mencadangkan pendekatan kaunseling dan penghayatan agama sebagai salah satu cara merawat dan membawa golongan yang telah terjebak dengan LGBT ini kembali kepada fitrah dan kehidupan sebenar. Jabatan Agama Islam Selangor pula berpandangan peranan golongan agamawan dan keprihatinan masyarakat amat ditagih dalam memastikan gejala LGBT ini dapat dipulihkan dan disekat

perkembangannya melalui langkah-langkah persediaan dan sentiasa peka ke atas isu-isu yang melibatkan LGBT.

Dalam pada masa yang sama, kajian oleh JAKIM menyebutkan bahawa golongan pendidik, pemikir dan pemimpin masyarakat sering juga memberi maklum balas bahawa budaya songsang dan gejala keruntuhan akhlak dalam kalangan umat Islam berada pada tahap yang semakin serius. Oleh yang demikian, pelbagai inisiatif telah diambil oleh pihak JAKIM dan agensi yang berkait untuk mengatasi masalah ini sesuai dengan bidang kuasa dan peranan masing-masing. Antaranya, penerbitan Modul dan Manual Kaunseling Syar'i, Manual HIV dan AIDS serta melaksanakan program pemulihan kepada golongan yang terlibat dalam gejala keruntuhan akhlak dan budaya hidup songsang. Namun begitu, ianya masih tidak cukup kerana permasalahan akhlak dan sahsiah masih terus membelenggu kehidupan umat Islam. Oleh itu, usaha-usaha bagi menanganinya perlu dilaksanakan secara lebih berkesan dan menyeluruh.²⁹

Badan Bukan Kerajaan

Pertubuhan bukan kerajaan atau NGO adalah organisasi yang ditubuhkan untuk memperjuangkan suatu kepentingan awam dan bukannya individu atau komersial. Ia sinonim dengan istilah NGO ialah CSO (*Civil Society Organization*) dan organisasi sukarela. NGO memainkan peranan besar terutama dalam sektor yang tidak dapat dipenuhi dengan perkhidmatan kerajaan. Ia disebut sebagai sektor ketiga yang membantu menyelesaikan masalah negara dan menangani pelbagai keperluan sosial termasuk isu kemiskinan dan pengangguran ke arah kesejahteraan rakyat.

NGO merupakan entiti yang semakin penting dalam sistem pentadbiran Malaysia. Kini, aktiviti NGO tidak lagi terhad kepada aktiviti bersifat kemanusiaan seperti menghulur bantuan ketika banjir dan menyalurkan sumbangan keprihatinan kepada rakyat. Malah, peranan NGO semakin diiktiraf oleh pihak kerajaan khususnya dalam aspek penggubalan dasar kerajaan. Antara peranan yang perlu badan bukan kerajaan lakukan dalam menangani dan pemulihan LGBT adalah memberikan sokongan

²⁹ Petah Wazzan Iskandar dan Mohd Nasaruddin Parzi, "Program Mukhayyam Pulih Golongan LGBT," Berita Harian Online, <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/07/69741/program-mukhayyam-pulih-golongan-lgbt>.

terhadap usaha pemulihan di peringkat kerajaan seperti menyediakan sokongan perkhidmatan kaunseling, bantuan sokongan rawatan, kelas bimbingan dan sebagainya terhadap LGBT.

Usaha dakwah terhadap komuniti LGBT jelasnya bukan sahaja dimainkan oleh pihak kerajaan melalui JAKIM atau Jabatan Agama Islam Negeri. Malah, usaha dakwah terhadap komuniti LGBT turut dilaksanakan oleh badan pertubuhan bukan kerajaan yang giat menjalankan usaha dakwah dan tarbiah kepada komuniti LGBT Muslim iaitu Pertubuhan Usrah Fitrah, PINTAS, Pertubuhan Muhajirah WAFIQ, Pertubuhan Islah Movement, Persatuan Insaf Pahang, Pertubuhan Hijrah Republique Network, My Hijrah My Adventure, T-Fitrah dan sebagainya. NGO dan agensi kerajaan penting dalam menghadapi cabaran, terutamanya dalam menangani masalah LGBT dengan menganjurkan aktiviti bermanfaat yang membawa kepada pemulihan LGBT supaya Malaysia bebas daripada gejala LGBT. Banyak aktiviti boleh dianjurkan melalui kerjasama antara NGO dan agensi-agensi kerajaan, dan hubungan baik dengan NGO dan agensi kerajaan perlu sentiasa diteruskan.

Komuniti Masyarakat

Penglibatan seluruh anggota masyarakat dalam membanteras isu LGBT sangat penting kerana ia adalah elemen utama dalam menjayakan misi negara LGBT. Sokongan daripada masyarakat menyumbang kepada perkembangan positif dalam kalangan individu.³⁰ Sokongan masyarakat sekitar seperti jiran, ketua kampung dan ahli jawatankuasa masjid merupakan satu usaha dalam memulihkan LGBT yang telah terlibat dalam isu ini dan mencegah kepada penularan LGBT. Fauziah dan Naresh, serta Mahmood dalam kajiannya menyatakan bahawa ahli masyarakat yang tidak bersedia dan kurang memberikan sokongan kepada permasalahan sosial seperti isu LGBT akan menyumbang kepada peningkatan kegiatan LGBT. Justeru sokongan, penerimaan dan kerjasama yang kukuh dalam kalangan masyarakat memainkan

³⁰ Hans Oswald and K. U. Suss, "The Influence of Parents and Peers on Misconduct at School: Simultaneous and Synergistic Effects," in R. K. Silbereisen and E. Todt (eds.), *Adolescence in Context: the Interplay of Family, School, Peers, and Work in Adjustment* (New York: Springer, 1994), 347-365.

peranan utama dalam membantu pengamal LGBT berhijrah untuk mengekalkan kepulihan mereka.

Di samping itu, Ibu bapa dan keluarga adalah entiti paling kecil dalam masyarakat yang perlu memainkan peranan paling serius dalam memastikan anak-anak mereka tidak terlibat dengan gejala LGBT. Masyarakat perlu mengelak daripada bersikap *not me syndrome*, sebaliknya bersama memainkan peranan dalam memahami, mengambil tindakan dan menjadi barisan hadapan dalam menangani isu LGBT di komuniti masing-masing. Johari Yap dalam kajiannya menyimpulkan bahawa golongan LGBT merupakan tanggungjawab masyarakat bagi membimbing dan mengembalikan mereka kepada fitrah asal mereka. Pelbagai usaha perlu dilakukan seperti bimbingan kaunseling Islam, psikoterapi Islam, *outreach*, kem motivasi, bantuan kebajikan sosial dan sebagainya perlu diberikan dan dipergiatkan lagi oleh semua lapisan masyarakat bagi membantu golongan LGBT tersebut.

Komuniti LGBT

Peranan komuniti LGBT merupakan tunggak utama dalam pemulihan LGBT. Di dalam proses pemulihan, komuniti LGBT perlu berada dalam persekitaran yang mendorong dan menyokong mereka berhijrah dan terus istiqamah. Menurut Ismail Ibrahim, pengaruh persekitaran merupakan satu elemen penting dalam pembentukan watak, cara berfikir, sikap dan pembangunan manusia itu sendiri sebagai makhluk Allah SWT yang dilahirkan dalam keadaan suci bersih mengikut acuan fitrahnya. Ibn Khaldun juga telah memfokuskan kepentingan persekitaran dan suasana masyarakat dalam membentuk tingkah laku, pemikiran dan kepintaran manusia.

Selain itu, komuniti LGBT perlu mencari dan bergaul dengan rakan yang boleh menyokong mereka berhijrah. Mereka boleh mencurahkan perasaan benci, takut, bimbang, rasa tidak puas hati antara satu sama lain. Dengan ini, dapat mengurangkan tekanan emosi dan mental mereka. Mereka sesama sendiri membantu menguatkan emosi dan psikologi masing-masing untuk tabah mengawal emosi dalam apa jua keadaan. Tekanan rakan sebaya ini juga adalah proses rawatan yang menggunakan rakan mereka sendiri sebagai pemerhati dan penasihat serta guru yang dapat menegur mereka sepanjang program. Sehubungan itu, rakan

merupakan medium terbaik untuk membantu mereka menegur kesilapan yang mereka lakukan serta mempamerkan contoh yang baik untuk mereka bersaing antara satu dengan lain bagi mencapai tahap pemulihan. Di samping itu, Komuniti LGBT perlu mengisi ruang kehidupan dengan aktiviti yang positif. Aktiviti yang positif akan membentuk fikiran yang positif. Corak fikiran positif akan mempengaruhi hati yang stabil seterusnya mempengaruhi setiap tindak tanduk. Oleh itu, komuniti LGBT perlu mengawal corak fikiran kerana ia mempengaruhi emosi dan tindakan yang bakal diambil. Keperluan mentor sebagai pembimbing juga merupakan satu kepentingan dalam pemulihan LGBT kepada perubahan ke arah yang lebih baik. Melalui mentor, mentor boleh membina keyakinan dan harga diri serta meningkatkan motivasi ke arah pemulihan. Manfaat utama untuk mentee adalah peluang untuk dipandu untuk kemajuan dan pertumbuhan melalui pembelajaran dan sokongan. Mentoring boleh memberi mentee dengan kemahiran, keyakinan dan keperluan yang diperlukan harga diri.

Penutup

Bagi umat Islam, isu lesbian, gay, biseksual, transgender (LGBT) adalah isu akidah yang sangat serius. Status jantina dan orientasi seksual mengelirukan golongan mengamalkan LGBT itu akan menyebabkan berlakunya kerosakan yang sangat besar terhadap hukum-hukum dalam perkahwinan, faraid dan keturunan manusia. Bagaimanapun, Islam menzahirkan pendekatan cukup indah dan terbaik iaitu masalah LGBT yang melanda seluruh dunia ketika ini perlu dibendung dengan bijaksana. Bukannya bersifat menghukum, tetapi ingin mendekati mereka dengan memberi keadilan serta mengajak semula kepada kehidupan diredai Allah SWT. Dakwah terhadap komuniti LGBT ini jelasnya mestilah dilaksanakan secara serius di samping mempunyai pelan Tindakan yang sistematik dan dilaksanakan secara holistik. Kaukus Kesejahteraan Rakyat Dewan Negara mencadangkan keperluan mewujudkan pusat tahanan dan pemulihan khas LGBT bagi merawat dan membimbing golongan itu ke arah kebaikan, kerohanian dan kesejahteraan rakyat. Kaukus Kesejahteraan Rakyat Dewan Negara turut mengesyorkan pendidikan mengenai LGBT dimulakan sejak di peringkat sekolah. Ini supaya pelajar terdedah kepada gejala gaya hidup sedemikian yang menjurus kepada perbuatan seks bebas, kerosakan

institusi kekeluargaan serta masyarakat dan penyumbang kepada penularan jangkitan HIV. Sehingga kini terdapat sebanyak 12 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Komuniti Hijrah dalam kalangan bekas peserta yang pernah mengikuti program Mukhyyam dan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri. Justeru, program-program pemulihan terhadap komuniti ini mestilah diperkasakan berdasarkan model pemulihan holistik. Usaha ini penting bagi memastikan komuniti LGBT berhijrah benar-benar kembali melaksanakan hidup beryariat dan meninggalkan kehidupan songsang mereka.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian hasil penyelidikan yang dijalankan di bawah dana FRGS/1/2019/SS06/KUIS/03/2, FRGS 2019-1

Rujukan

- Adi Sudrajat dan Atika Zuhrotus Sufiyana, "Filsafat Pendidikan Islam dalam Konsep Pembelajaran Holistik Pendidikan Agama Islam," *Andragogi: Jurnal Ilmiah Pendidikan Agama Islam* 2.2 (2020), 38-47.
- Al-Tabarani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad, *al-Mu'jam al-Awsat* (Kaherah: Dar al-Haramayn, 1995).
- Barton, Richard, "Psychosocial Rehabilitation Services in Community Support Systems: A Review of Outcomes and Policy Recommendations," *Psychiatric Services* 50.4 (1999), 525-534.
- Bernamea, "Bertemu Nisha Ayub Tidak Bermakna Bersetuju Perjuangan LGBT – Mujahid," *Astro Awani*, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bertemu-nisha-ayub-tidak-bermakna-bersetuju-perjuangan-lgbt-mujahid-182780>.
- Kamal Azmi Abd Rahman et al., "Profil Masyarakat Melayu Malaysia di Media Sosial yang Mempromosikan Agenda LGBT," dalam Yusmini Md Yusoff et al. (peny.), *Isu-Isu Semasa Media dan Dakwah* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2015), 23-34.
- Kamus Dewan*, edisi 4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).
- Khairani Zakariya @ Abd Hamid, "Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Imam al-Ghazali: Aplikasinya dalam Program

- Tarbiah Sekolah-sekolah Menengah Aliran Agama Berasrama di Negeri Kedah, Malaysia,” *Atikan* 2.1 (2012), 79-94.
- Khairul Hamimah Muhammad Jodi dan Noor Hafizah Mohd Haridi, “Cabaran dan Pendekatan Dakwah Golongan LGBT: Satu Kajian di Pertubuhan Usrah Fitrah” (International Seminar on Human Development, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 22 November 2018).
- Kosciw, Joseph G., et al., “The Effect of Negative School Climate on Academic Outcomes for LGBT Youth and the Role of In-School Supports,” *Journal of School Violence* 12.1 (2013), 45-63.
- Mohamad Afandi Md Ismail, Muhamad Hasif Yahaya, Ikmal Hafiz Jamal dan Muhammad Najib Abdul Wakil, “Isu LGBT di Malaysia: Satu Tinjauan Terhadap Aspek Kajian” (International Seminar on Syariah and Law E-Proceedings, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 2020), 459-470.
- Mohamad Kamil Ab Majid, *Cabaran Umat Dewasa Ini: Suatu Penyelesaian Menurut Islam* (Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya, 1988).
- Noor Hafizah Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman dan Rosni Wazir, “Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT),” *Jurnal Pengajian Islam* 9.2 (2016), 103-119.
- Noor Hafizah Mohd Haridi, “Kumpulan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) Ancaman Terhadap Keamanan dan Keharmonian Beragama di Malaysia,” *Islam Realitas: Journal of Islamic and Social Studies* 2.2 (2016), 211-218.
- Oswald, Hans, and Suss, K. U., “The Influence of Parents and Peers on Misconduct at School: Simultaneous and Synergistic Effects,” in R. K. Silbereisen and E. Todt (eds.), *Adolescence in Context: the Interplay of Family, School, Peers, and Work in Adjustment* (New York: Springer, 1994), 347-365.
- Papilaya, Jeanete Ophilia, “Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender (LGBT), dan Keadilan Sosial,” *Journal Humaniora Yayasan Bina Dharma* 3.1 (2016), 25-34.
- Petah Wazzan Iskandar dan Mohd Nasaruddin Parzi, “Program Mukhayyam Pulih Golongan LGBT,” Berita Harian Online,

- <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/07/69741/program-mukhayyam-pulih-golongan-lgbt>.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu, <http://prpm.dbp.gov.my/>, dicapai 10 Disember 2018.
- Renn, Kristen A. "LGBT Student Leaders and Queer Activists: Identities of Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender, and Queer Identified College Student Leaders and Activists," *Journal of College Student Development* 48.3 (2007), 311-330.
- Renn, Kristen A., "LGBT and Queer Research In Higher Education: the State and Status of the Field," *Educational Researcher* 39.2 (2010), 132-141.
- Ryan, Caitlin, et al., "Family Acceptance in Adolescence and The Health of LGBT Young Adults," *Journal of Child and Adolescent Psychiatric Nursing* 23.4 (2010), 205-213.
- Swanson, Richard A. and Falkman, Sandra K., "Training Delivery Problems and Solutions: Identification of Novice Trainer Problems and Expert Trainer Solutions," *Human Resource Development Quarterly* 8.4 (1997), 305-314.
- Veritasia, Mytha Eliva, "Pengungkapan Informasi Privat tentang Identitas Seksual Seorang Gay kepada Orang Lain," *Commonline Departemen Komunikasi*, 4.2 (2015), 273-286.
- Zakaria Stapa, *Masyarakat Islam dan Isu Semasa*, (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1994).